

**UCAPAN OLEH YB TUAN BARU BIAN,
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**MAJLIS PENGHARGAAN MAN-HOURS WITHOUT LOST
TIME INJURY (LTI) UNTUK PROJEK-PROJEK
LEBUHRAYA
&
PROGRAM MEGA TOOLBOX EKVE 2018
4 OKTOBER 2018**

Yang Berbahagia Dato'Sr. Aziz bin Abdullah, Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia, Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Bin Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Lembaga Lebuhraya Malaysia;

Yang Berbahagia, Ir. Abdullah Bin Hashim, Timbalan Ketua Pengarah Bisnes Lembaga Lebuhraya Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Zakariah bin Haji Wan Muda, Pengarah Urusan Kumpulan, Ahmad Zaki Resources Berhad

Yang dihormati Pengarah – pengarah dan wakil-wakil dari setiap agensi kerajaan,

Wakil-wakil dari setiap syarikat konsesi,

Pengamal-pengamal media,

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan puan-puan,

Salam sejahtera dan selamat pagi,

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan EKVE Sdn. Bhd. selaku penganjur utama serta pihak WCE, DASH, SUKE, SPE, PLUS dan MEX selaku penganjur bersama kerana menjemput saya ke majlis penghargaan pencapaian *Man-hours Without Lost Time Injury* (LTI) bagi lebuhraya dalam pembinaan di bawah kendalian pihak LLM pada hari ini.
2. Majlis penghargaan pencapaian ini merupakan peristiwa yang amat bermakna dalam fasa permulaan tugas saya di Kementerian Kerja Raya (KKR) yang menitikberatkan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam sektor pembinaan.
3. Acara yang bersejarah ini juga telah menghimpunkan semua pemegang konsesi yang terlibat di dalam industri lebuhraya. Sebagai syarikat yang menjadi nadi penggerak operasi dan pembangunan lebuhraya Negara, saya percaya Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan puan-puan sedar akan peranan penting yang dimainkan untuk memastikan projek yang dilaksanakan bermanfaat dan akhirnya memenuhi keperluan rakyat Malaysia.
4. Selain dari manfaat secara langsung, saya yakin Tuan-tuan dan puan-puan semua bersetuju bahawa keutamaan juga semestinya diberikan terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam pelaksanaan projek pembinaan lebuhraya.

KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Izinkan saya berkongsi sedikit perspektif global tentang betapa pentingnya Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan secara umum.
6. Pada tahun 2017 di Kongres Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menyatakan bahawa “2.78 juta pekerja kehilangan nyawa setiap tahun akibat kecederaan dan penyakit berkaitan kerja”.
7. Perangkaan ini menunjukkan unjuran bahawa penyakit dan kecederaan berkaitan kerja menelan kos sehingga 3.94% daripada KDNK dunia setahun atau bersamaan dengan 2.99 Trilion dolar AS. Manakala, daripada segi nyawa manusia pula, ia bersamaan dengan kematian 2.78 juta pekerja setiap tahun akibat kecederaan dan penyakit berkaitan kerja yang saya sebutkan tadi.
8. Laporan perangkaan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) juga menyatakan bahawa terdapat peningkatan sebanyak 69.47% dalam aspek kecederaan dan kematian pekerja. Peratus ini merupakan peningkatan dari tahun 2011 hingga 2016.
9. Sama ada di peringkat global atau kebangsaan, semua perangkaan ini mencerminkan kegagalan untuk membuat pelaburan yang sewajarnya dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

10. Walaupun Negara kita mempunyai peruntukan undang-undang dan kaedah penguatkuasaan, namun tanggungjawab untuk melaksanakan struktur dan sistem pekerjaan yang selamat dalam industri pembinaan khusus lebuhraya perlulah datangnya dari pihak pelaksana projek. Komitmen dan langkah proaktif pihak konsesi amatlah penting.

MAN-HOURS WITHOUT LTI

Para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Majlis Penghargaan Pencapaian *Man-Hours Without Lost Time Injury* (LTI) adalah merupakan majlis pengiktirafan dan penghargaan kepada syarikat konsesi yang masih di dalam peringkat pembinaan yang telah mencapai SIFAR KEMALANGAN bermula dari tarikh pembinaan sehingga bulan Julai 2018.

12. Pengiktirafan dan penghargaan ini melibatkan 7 buah projek iaitu 6 projek pembinaan lebuhraya dan 1 projek pembinaan persimpangan bertingkat yang melibatkan:-

- i. Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dengan pencapaian sebanyak 13.6 juta Man-Hours Without Lost Time Injury (LTI);
- ii. Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH) dengan pencapaian sebanyak 4.9 juta;
- iii. Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE) dengan pencapaian sebanyak 5.7 juta;
- iv. Lebuhraya Timur Lembah Klang (EKVE) dengan pencapaian sebanyak 5.5 juta;
- v. Lebuhraya Setiawangsa – Pantai (SPE) dengan pencapaian 3.2 juta;

- vi. Lebuhraya Putrajaya – KLIA (MEX) dengan pencapaian 1.7 juta; dan
- vii. Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia, Lebuhraya ELITE dengan pencapaian sebanyak 1.2 juta.

13. Jumlah capaian *Man-Hours Without Lost Time Injury* (LTI) yang disumbangkan oleh setiap konsesi yang terlibat di atas seterusnya memacu kepada pencapaian sebanyak 35.7 juta *Man-Hours Without Lost Time Injury* (LTI) kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Ini menunjukkan penekanan dan komitmen yang diberikan oleh pihak LLM berkaitan aspek keselamatan tapak bina dipraktikkan sepenuhnya oleh pihak konsesi yang terlibat.
14. Majlis penghargaan ini adalah merupakan majlis yang pertama seumpamanya dianjurkan oleh pihak LLM. Penekanan kepada amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini juga akan turut memberi impak yang signifikan terhadap sektor pembinaan Negara yang dipacu oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) terutamanya ke atas industri pembinaan lebuhraya.
15. Pelaksanaan program di kawasan pembinaan di Lebuhraya EKVE pula adalah bertujuan untuk memberikan gambaran sebenar kejayaan ke atas kempen keselamatan yang dibuat oleh pihak LLM dan diaplikasikan dengan jayanya oleh pihak konsesi. Pihak Konsesi dianugerahkan dengan GOLDEN HELMET di atas kejayaan mereka, manakala pihak LLM sendiri akan menerima PLATINUM HELMET.

16. Justeru, saya berbangga dan berterima kasih kepada Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang bukan sahaja telah mengguna pakai dan melaksanakan pematuhan ke atas piawaian yang ditetapkan, malahan turut mencatatkan rekod 35.7 juta *man-hours without LTI* secara keseluruhannya bagi projek-projek lebuhraya dalam pembinaan.
17. Saya juga dimaklumkan bahawa setiap projek perlu mematuhi piawaian amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ketat melalui inisiatif pihak LLM. Antaranya adalah:
- a) Keperluan pelaksanaan *Toolbox Talk* secara konsisten sepanjang tempoh pembinaan;
 - b) Pelaksanaan program *Mega Toolbox* sekali dalam tempoh pembinaan;
 - c) Penentuan HIRARC (hazards identification, risk assessment, risk control) dan pelaksanaan tindakan kawalan;
 - d) Membangunkan pelan pengurusan risiko bagi sepanjang tempoh pembinaan;
 - e) Pelaksanaan Mesyuarat HSE secara berkala;
 - f) Penilaian pematuhan amalan keselamatan dan kesihatan secara bulanan;
 - g) Audit pematuhan amalan keselamatan dan kesihatan oleh jurutera perunding bebas (ICE);
 - h) Audit pematuhan amalan keselamatan dan kesihatan oleh LLM setiap 6 bulan; dan
 - i) Mendapatkan pengiktirafan SHASSIC

SHASSIC & PROGRAM MEGA TOOLBOX

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan puan-puan

18. Saya juga difahamkan bahawa aturcara hari ini termasuk penyampaian sijil SHASSIC. SHASSIC atau Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan ialah kaedah bebas untuk menilai dan mengkaji prestasi keselamatan dan kesihatan dalam projek pembinaan yang dibangunkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).
19. SHASSIC dirangka dengan objektif untuk menanda aras tahap keselamatan dan kesihatan industri pembinaan di Malaysia dengan tujuan menambah baik dan mengambil tindakan pembetulan terhadap prestasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Penilaian SHASSIC dilaksanakan apabila penyiapan kerja fizikal sesebuah projek telah mencapai tahap antara 25% hingga 75%.
20. Kepada penerima sijil SHASSIC hari ini, saya mengucapkan tahniah kepada anda semua kerana menjalankan tugas dengan sewajarnya untuk mencapai pengiktirafan ini.
21. Di samping itu, pada hari ini juga pihak EKVE Sdn. Bhd. selaku pemegang konsesi bagi Lebuhraya Timur Lembah Klang (EKVE) turut menganjurkan Program Mega Toolbox 2018. Program ini merupakan sebahagian daripada amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ditetapkan oleh pihak LLM dengan keperluan komitmen semua pihak terutamanya pengurusan atasan.

22. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada EKVE Sdn Bhd dan syarikat induknya Kumpulan AZRB kerana menganjurkan acara program Mega Toolbox 2018 di atas usaha untuk mencapai 5.5 juta *man-hours without LTI*, sejajar dengan tema pada hari ini, "Keselamatan Memanfaatkan Semua".
23. Menerusi sesi yang diadakan pada hari ini, saya percaya kita boleh belajar dan berkongsi ilmu demi kepentingan semua.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

24. Akhir kata, saya ingin menegaskan bahawa Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan puan-puan sekalian telah menetapkan piawaian industri dan menekankan bahawa amalan keselamatan dan kesihatan adalah menjadi keutamaan. Apa yang telah dicapai pada hari ini bakal menjadi penanda aras bagi pemegang konsesi pada masa kini dan masa hadapan.
25. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya, saya memberikan komitmen bahawa KKR dan agensi dibawahnya akan terus menyokong dan menjalankan tugas secara proaktif untuk mencapai agenda yang ditetapkan dan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah salah satu daripadanya.

26. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada pihak LLM dan juga semua yang terlibat atas kejayaan yang dicapai. Saya dengan ini merasmikan Majlis Penghargaan *Man-hours Without Lost Time Injury (LTI)* untuk projek – projek lebuhraya serta Program Mega Toolbox Talk EKVE 2018.

Sekian, Terima kasih dan selamat maju jaya.

'Have A Nice Day'